ke arah

kestabilan dalam

sektor kewangan

Membina sistem kewangan yang stabil dan berpelbagaian untuk masa hadapan

kestabilan

SEKTOR PERBANKAN

Walaupun sektor kewangan semakin dipelbagaikan, sektor perbankan akan terus menjadi sumber pembiayaan yang penting bagi ekonomi domestik pada masa hadapan. Oleh yang demikian pembangunan sistem perbankan, khususnya institusi-institusi perbankan domestik, adalah penting bagi menyokong pertumbuhan dan transformasi ekonomi.

SEKTOR INSURANS

Perubahan-perubahan ketara perlu dilaksanakan untuk meningkatkan standard prestasi industri insurans di Malaysia seiring dengan perkembangan yang berlaku di peringkat global bagi merapatkan jurang di antara standard dan prestasi penanggung-penanggung insurans di Malaysia dengan amalan terbaik dan standard prestasi antarabangsa.

PERBANKAN ISLAM DAN TAKAFUL

Telah tiba masanya untuk merangka strategi-strategi khusus untuk membangunkan perbankan Islam dan takaful selanjutnya. Strategi-strategi ini akan turut menyumbang kepada pengukuhan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam serantau.

INSTITUSI KEWANGAN PEMBANGUNAN

IKP dalam dekad akan datang dijangka akan terus berkembang dan memainkan peranan penting dalam menyokong strategi-strategi pembangunan negara ini dengan memperlengkapkan aktiviti institusi-institusi kewangan swasta untuk memenuhi keperluan pembiayaan bagi ekonomi yang sentiasa berubah.

KAEDAH PEMBIAYAAN ALTERNATIF

Dengan transformasi ekonomi di mana pertumbuhannya didorong oleh perkhidmatan dan produktiviti, kepelbagaian sumber pembiayaan adalah diperlukan untuk memenuhi keperluan pembiayaan yang besar bagi aktiviti dan industri baru.



IOFC LABUAN

IOFC di masa hadapan bukan sekadar berkembang maju berasaskan perkhidmatan kewangan luar pesisir semata-mata, tetapi merupakan sebuah pusat kewangan yang turut dibangunkan secara holistik untuk menyokong pembangunan pulau ini, dan memainkan peranan yang berkesan dalam melengkapkan pasaran kewangan domestik.